

Headline	Isu makanan halal tak boleh diambil mudah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	n7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	289 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,747
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,241



# Isu makanan halal tak boleh diambil mudah

**S**AMBUTAN hari keputeraan Baginda Nabi Muhammad SAW kali ini diselubungi dengan kebimbangan meningkatnya gejala murtad dalam kalangan masyarakat Islam. Seolah-olah ada yang sudah bosan berpegang dengan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa hingga sanggup mengadaikan agama demi habuan dunia yang sementara.

Pembabitannya masyarakat Islam dalam perkara ini walaupun masih sedikit, jika tidak diatasi akan merosak nilai jati diri kepercayaan Islam yang wajib dipelihara.

Akibatnya lagi banyak perkara yang membabitkan soal halal dan haram juga tidak dapat diselesaikan dek kerana kerosakan akidah yang membelenggu umat Islam. Realitinya ia isu lapuk yang berpanjangan hingga ke hari ini. Hakikatnya, bukan mudah untuk umat Islam meloloskan diri daripada kemelut ini.

Lihat saja kepada makanan harian yang menjadi santapan seisi keluarga. Berapa ramai umat Islam yang mengambil serius mengenai makanan dibeli dan dimasak adalah berstatus halal.

Sebenarnya isu ini lebih besar daripada sekadar itu. Kebanyakan orang prihatin terhadap soal penyembelihan ayam yang mesti disembelih dengan nama Allah SWT

dan mengikut peraturan syariat. Namun, pernahkah ada yang memikirkan mengenai makanan dan segala vitamin diberikan kepada ayam sehingga dalam tempoh 40 hingga 50 hari saja sudah matang dan boleh dijual.

Persoalannya adakah dedak itu halal? Apakah bahan asas untuk menyediakan dedak makanan ayam dan ternakan lain juga halal? Dari manakah ia diperolehi dan pelbagai lagi persoalan lain yang perlu difikirkan bersama.

Persoalan ini disulitkan lagi dengan budaya makan di luar yang semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam dewasa ini. Adakah pengusaha kedai makanan yang beragama Islam sendiri benar-benar sensitif hingga semua bahan asas untuk menyediakan jua-dah dijual halal lagi berkhasiat.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan restoran yang berselindung di sebalik bingkai ayat suci al-Quran dan pelayan yang berkopiah sepanjang masa, sedangkan mereka bukan beragama Islam. Begitu pula sikap pengusaha produk makanan yang tergamak memalsukan logo halal JAKIM hingga berjaya mengaburi pengguna Islam.

Sehubungan itu masyarakat Islam diajak untuk lebih prihatin dan sensitif akan soal ini. Kerajaan melalui JAKIM telah memainkan pe-


ranannya dengan menguatkuasakan hanya satu logo halal saja yang diterima. Kini yang tinggal hanya sikap dan kesanggupan pengguna Muslim untuk beralih memilih hanya yang halal demi mengharapkan maghfirah dan keredaan daripadanya. Semoga dengan jihad itu mampu memaksa pengeluar untuk mendapatkan pengesahan status halal. Pihak yang berwajib juga diharap dapat terus melipatgandakan usaha untuk memantau kegiatan pengeluar yang tidak bermoral sehingga berjaya dihadapkan ke muka pengadilan sebagai iktibar kepada yang lain.



*Kerajaan melalui JAKIM telah memainkan peranannya dengan menguatkuasakan hanya satu logo halal saja. Kini yang tinggal hanya sikap dan kesanggupan pengguna Muslim untuk beralih memilih hanya yang halal*

**MOHD ALI MUHAMAD DON,**

*Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Kampus Bandaraya Johor Bahru.*



MAKANAN yang dibeli bukan saja memenuhi tuntutan selera, tetapi juga perlu dipastikan kandungannya halal.